



PESERTA yang mengikuti Bengkel Teknik Kamera Video lanjutan di Makmal Che Zulkarnain, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di UMS, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

UMS, Finas jalin kerjasama dalam teknik kamera video

UM 20.8.2014 26

KOTA KINABALU 19 Ogos - Menyedari kepentingan keperluan tenaga mahir dalam bidang perfileman, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) telah bekerjasama menganjurkan Bengkel Teknik Kamera Video lanjutan di Makmal Che Zulkarnain, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) baru-baru ini

Menurut kenyataan UMS, penganjuran bengkel itu bertujuan meningkatkan pengetahuan amali mengenai teknik pengendalian kamera video

pada peringkat lanjutan.

“Selain itu, secara praktikalnya, bengkel ini mendedahkan kepada peserta mengenai konsep visual, pencahayaan dan kontra, pergerakan kamera serta penggunaan pelbagai jenis kanta dan penapis,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, bengkel selama lima hari dikendalikan oleh Pengarah Sinematografi dan Videografi, Indra Che Muda Redzuan yang merupakan individu berpengalaman dalam bidang perfileman Malaysia.

Katanya, bengkel berkenaan juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan UMS dan Finas untuk membangunkan guna tenaga mahir dalam bidang industri kreatif.

“Kedua-dua pihak akan menganjurkan beberapa lagi siri bengkel pada tahun ini seperti Bengkel Penerbitan Klip Video, Bengkel Pencahayaan dan Bengkel Pengarahan,” katanya.

Sementara itu, menurut Indra Che Muda, pengetahuan terhadap teknik penggunaan kamera yang betul san-

gat penting bagi memastikan wajah sesebuah filem itu konsisten dan sesuai dengan genre sebuah filem yang dihasilkan.

Katanya, penggunaan kanta lensa dan pencahayaan akan mengurangkan risiko kualiti penghasilan filem ketika proses pasca produksi dijalankan.

“Kita harus memastikan proses rakaman dilakukan dengan menggunakan teknik kamera yang betul kerana ada beberapa perkara tidak akan dapat diperbaiki ketika proses pasca produksi,” katanya.